

Kalau pimpinan tidak diperlukan lagi oleh sejuta ahli UMNO

12 MAY 1985

MAHATHIR: SAYA SEDIA UNDUR

Oleh Mat Piah Teh Deris

A LUR SETAR 11 Mei - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad yang telah meningkat usia 60 tahun membayangkan beliau bersedia mengundurkan diri sekiranya pimpinannya tidak diperlukan lagi oleh sejuta orang ahli UMNO yang genap usianya 39 tahun hari ini.

"Saya akan sokong siapa pun yang akan naik selepas saya," tegas Perdana Menteri.

Presiden UMNO itu berkata, seorang ketua akan lebih berkesan dan bermakna jika sejuta orang menyokongnya dan tidak bermakna kalau hanya 1 atau 2 orang di belakangnya.

Beliau menyebut oleh kerana umurnya sudah 60 tahun, mungkin ada orang berpendapat pimpinannya sudah lemah, ucapan dan pidato-pidatonya tidak lagi berapi-api seperti dahulu.

Berucap merasmikan persidangan perwakilan UMNO bahagian Kubang Pasu di dewan Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim, Jenan dekat sini hari ini, beliau yang juga Ketua UMNO bahagian Kubang Pasu mengingatkan bahawa UMNO akan lemah jika ahli-ahlinya berpura-pura mematuhi ketua baik di peringkat bahagian atau cawangan tetapi bertindak di belakangnya.

Katanya, kalau UMNO lemah, UMNO akan kalah dalam pilihanraya dan "kita berjuang untuk kejayaan negara kita dan bukan untuk sipolan-sipolan" yang kadangkala menggunakan duit untuk mendapatkan sokongan dan jawatan di dalam parti.

Sempena hari ulangtahun ke-39 UMNO yang ditubuhkan pada 11 Mei 1946, Datuk Sri Dr. Mahathir bagaimanapun berharap UMNO akan kekal, bukan kekal untuk selama-lamanya kerana masih banyak masalah dan perkara yang hendak dibuat.

Presiden UMNO itu yang mempunyai banyak pengalaman juga mengingatkan seseorang itu atau satu kumpulan supaya belajar dari sejarah dan pengala-

LIHAT MUKA 13

man masing-masing.

"Kalau kita tidak peduli salah atau tidak salah, dan ikut syok saja, kita akan kalah," ujar beliau.

Beliau juga menyebut perkara-perkara berikut:-

- Ahli-ahli UMNO mesti sanggup berkorban untuk kebaikan parti dan masyarakat di samping mengekalkan perpaduan bagi memperkuat dan memperteguhkan kedudukan parti.

- Ahli-ahli UMNO tidak boleh membenarkan diri kita dipesongkan oleh cara-cara yang tidak baik.

- Perpegang teguh kepada perlembagaan parti yang ditentukan bagi menjadi sebuah parti yang kuat walaupun kita tidak mendapat tempat tetapi akhirnya kita berjaya.

- Mengelakkan pertandingan di dalam parti hingga UMNO menjadi beberapa buah parti. Tidak ada gunanya kita ada sebuah parti yang sudah pecah.

- Mengamalkan pertandingan yang sempurna secara 'gentlemen' dengan semangat kesukanan dengan menerima kekalahan ataupun menang dengan baik di samping mengikis rasa permusuhan di kalangan penyokong-penyokong selepas pertandingan.

Sambil mensifatkan ulangtahun ke-39 UMNO hari ini sebagai tidak istimewa kerana UMNO mencapai kepada umur yang merbahaya, Datuk Sri Dr. Mahathir berbangga UMNO telah mencapai kejayaan yang istimewa dalam mengamalkan sistem demokrasi berparti tidak ada satu parti di dunia yang mencapai kejayaan seperti UMNO.

Menurutnya, kebanyakan negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparti

telah gagal seperti berlakunya rebutan kuasa bila parti pembangkang kuat dan kalau adapun sistem pemerintahan berparti, tetapi ia tidak demokrasi lagi.

Perdana Menteri menambah, di Malaysia parti-parti politik yang mengamalkan demokrasi terutama UMNO dapat kekal sebagai

sebuah parti politik yang kukuh dan kekal, walaupun perlembagaan UMNO terpaksa dipinda tetapi dapat mentadbirkan parti dengan baik dan berkesan.

Bagaimanapun, beliau khuatir setelah berumur 39 tahun ramai dari ahli UMNO sudah lupa kepada perjuangan asal dan matlamatnya. Ramai sudah lupa dan menjadikan UMNO sebagai 'kuda tunggangan' yang selalu menang dengan mengadakan pertandingan yang hebat bagi mencari kemenangan bagi diri sendiri.

Beliau mengulangi ingatan kepada ahli-ahli UMNO supaya jangan terlalu ghairah sangat untuk bertanding bagi mendapat tempat untuk menjadi calon.

"Kalau kita terlalu ghairah dengan pertandingan, UMNO akan hancur walaupun sebagai sebuah parti yang mengamalkan demokrasi UMNO harus ada pertandingan bagi mencari pemimpin yang berkebolehan," katanya.

Menyentuh tentang parti-parti Melayu di negara ini seperti PAS, HAMIM dan PSRM, Datuk Sri Dr. Mahathir menyatakan perlawanan tidak menjadi masalah, tetapi cara perlawanan itu yang menjadi masalah di mana pertandingan parti-parti politik telah membawa kepada pecah-belah.

Beliau menyebut sebagai contoh, di zaman tidak ada parti politik dulu termasuk zaman British, Jepun dan di zaman Thai dulu tidak ada tuduhan-tuduhan 'bukan Islam,' 'kafir - mengkafir' dan sebagainya.

Menurutnya, timbulnya bermacam-macam tuduhan itu kerana parti-parti politik berebut untuk mendapatkan tempat dan menjadi kerajaan negara ini.

Presiden UMNO itu menyatakan ahli-ahli UMNO sebenarnya tidak gentar dengan tuduhan-tuduhan seperti itu tetapi sebagai ahli-ahli UMNO 'kita tidak boleh menuduh mereka tetapi berusaha membetulkannya.'

Katanya, "tugas ahli-ahli UMNO harus mendekati diri kepada mereka, menolong mereka kembali ke jalan yang benar."

Perdana Menteri berpendapat perkara tersebut tidak seharusnya berlaku kerana perbezaan "kita dengan mereka cuma perbezaan politik dan kita bertanggungjawab menyedarkan mereka supaya tidak begitu taksuf untuk memerintah."

Beliau menambah, agama Islam juga tidak melarang orang-orang bukan Islam hidup bersama dan berbaik-baik dengan orang-orang Islam.